



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 42 RABU 19 Oktober, 1966.

1386 رابو 4 رجب

PERCHUMA

ISTIADAT PENGURNIAAN BINTANG KEBESARAN NEGARA


BANDAR BRUNEL.—Satu Istiadat Pengurniaan Bintang Kebesaran Negara telah di-adakan di-Istana Darul Hana pada hari Ahad 16 Oktober, 1966.

Dalam Istiadat tersebut, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah mengurniakan:

BINTANG DATO SERI LAILA JASA (D.S.L.J.) Darjah Kedua kepada Lord

Grantchester, sa-orang Pengarah Bank Kemajuan Asia.

Bintang P. S. B. Darjah Ke-empat kepada Awang Robert Brunet de Rochebrune, sa-orang Pilot yang berkhidmat dengan World Wide Helicopters dan Colour Sarjan Abdul Aziz bin Ariffin, sa-orang ra'ayat Singapura yang pada masa sekarang berkhidmat dengan Askar Melayu Di-Raja Brunei.



D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kelihatan dalam gambar ini sedang mengurniakan Bintang Dato Seri Laila Jasa


(D.S.L.J.) Darjah Kedua kepada Lord Grantchester di-Istana Darul Hana pada hari Ahad 16 Oktober, 1966.

D.Y.M.M BERCHEMAR DULI KA-PERBARISAN DAN PERMAINAN MUSIK DI-BERAKAS KEM

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berchemar Duli ka-Kawasan Perbarisan Askar Melayu Di-Raja Brunei di-Berakas Kem pada petang hari Rabu 12 Oktober, 1966 untuk menyaksikan upacara Perbarisan dan Permainan Musik oleh gabungan tiga buah pancharagam Pulis dan Tentera.

Pancharagam2 itu ia-lah Pancharagam Pulis Di-Raja Brunei, Pancharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei dan Pancharagam Seruling dan Tambor 2/6 Q.E.O. Gurkha Rifles.

Upachara itu telah di-lakukan di-bawah arahan Awang G. Crowhurst, Pengarah Musik, Pancharagam Pulis Di-Raja Brunei.



GAMBAR ATAS: D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kelihatan sedang turun dari pentas selepas Baginda menyaksikan Perbarisan dan Permainan Pancharagam oleh Gabungan

Pancharagam2 Pulis dan Tentera di-Padang Perbarisan A.M.D.B. di-Berakas Kem pada petang 12 Oktober, 1966. **GAMBAR BAWAH:** Dalam gambar ini ke-

lihatan Gabungan Pancharagam2 Pulis Di-Raja Brunei, Askar Melayu Di-Raja Brunei dan 2/6 Gurkha Rifles yang mengambil bahagian

di-temasha Perbarisan dan Permainan Pancharagam oleh Gabungan Pancharagam2 Pulis dan Tentera di-Berakas Kem pada petang hari Rabu yang lalu.

PERADUAN BACHAAN AL-KORAN PERINGKAT DAERAH TEMBURONG

BANGAR. — Peraduan Bachaan Al-Koran Peringkat Daerah Temburong akan diadakan di-Padang Besar, Pekan Bangar pada malam 4 November, 1966.

Ketetapan untuk mengadakan Peraduan Bachaan Al-Koran Peringkat Daerah Temburong pada tarikh dan di-tempat tersebut telah diperolehi dalam satu mashuarat yang telah di-langsungkan di-Klub Temburong pada pagi hari Sabtu 8 Oktober, 1966.

Majlis itu telah di-penguruskan oleh Kadzi Daerah Temburong, Abang Razalli bin Haji Zainuddin dan telah di-hadiri oleh ramai para hadirin, antara-nya ia-lah Penolong Pegawai Daerah Temburong; Nadzir Sekolah2 Ugama Daerah Temburong; Ketua2 Kampung, serta Ahli2 Jawatan Kuasa Masjid bagi Daerah Temburong.

Majlis telah menguchapkan terima kasih kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei yang telah menyediakan peruntukan hadiah2 bagi mengadakan Peraduan Bachaan Al-Koran tersebut.

Pihak Ahli2 Jawatan Kuasa Peraduan Bachaan Al-Koran Peringkat Daerah Temburong telah mengambil keputusan hendak mengadakan Pertandingan Bachaan Al-Koran itu sa-chara besar2an.

DERMA KILAT

Dengan hal yang sa-demikian satu keputusan telah di-persetujui dalam majlis itu bagi mengadakan Derma Kilat pada Ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi yang hadir di-majlis itu dengan mendapat sambutan yang memuaskan. Wang sa-banyak \$144 telah di-perolehi daripada Ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi itu.

Sa-lain dari itu, Jawatan Kuasa Peraduan Bachaan Al-Koran Peringkat Daerah Temburong akan membuat rayuan kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei untuk membenarkan Ahli2 Jawatan Kuasa memungut derma bagi mengadakan Pertandingan Bachaan Al-Koran tersebut dari penduduk2 Daerah Temburong sahaja.

Jawatan2 Kuasa Kechil telah pun di-lantek dalam beberapa bahagian dengan persetujuan sa-bulat suara bagi melichinkan perjalanan mashuarat itu.

Berita kiriman Awang Mahmud bin Ya'akub, Setia Usaha, Peraduan Bachaan Al-Koran, Peringkat Daerah Temburong.

Peraduan Bachaan Al-Koran Daerah Belait Di-adakan Di-atas Pelampong Di-Sungai Belait

KUALA BELAIT. — Peraduan membacha Al-Koran bagi memilih wakil2 Daerah Belait ka-Pertandingan Bachaan Al-Koran Sa-Negeri Brunei bagi tahun ini akan di-adakan sa-chara istimewa — Istimewa, kerana tempat peraduan itu bukan di-padang besar dan bukan di-pekarangan masjid, tetapi akan di-adakan di-atas sa-buah pelampong raksasa khas di-Sungei Belait.

Di-atas pelampong raksasa khas itu-lah akan dihiasi dengan indah dan dipasang lampu2 warna warni di-mana para peserta lelaki dan perempuan akan memperdengarkan suara mereka membacha ayat2 suci Al-Koran Pelampong raksasa yang akan di-pakai itu ia-lah di-pinjam dari Sharikat Minyak Shell Brunei.

Suatu mashuarat telah di-adakan di-Kuala Belait pada hari Sabtu yang lepas dengan di-pengerusikan oleh Kadzi Daerah Belait, Awang Ishak bin Adam bagi membincangkan peraduan tersebut.

Sa-buah Jawatan Kuasa Kerja telah di-bentok dengan di-ketuai sendiri oleh Kadzi Daerah Belait, Awg. Ishak bin Adam. Pegawai Daerah Belait, Yang Mulia

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong Mulai hari Rabu 19 Oktober hingga ka-hari Selasa 25 Oktober, 1966 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
19 Oktober	12.12	3.30	6.11	7.26	4.33	4.48 6.05
20 Oktober	12.12	3.30	6.11	7.26	4.33	4.48 6.05
21 Oktober	12.11	3.29	6.10	7.24	4.33	4.48 6.05
22 Oktober	12.11	3.29	6.10	7.24	4.33	4.48 6.05
23 Oktober	12.11	3.29	6.10	7.24	4.33	4.48 6.05
24 Oktober	12.11	3.29	6.10	7.24	4.33	4.48 6.05
25 Oktober	12.11	3.29	6.10	7.24	4.33	4.48 6.05

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Pengiran Momin bin Pengiran Hj. Ismail telah di-pilih sebagai Penaung Jawatan Kuasa tersebut.

Sa-orang juruchakap Jawatan-Kuasa Peraduan tersebut memberitahu bahawa dengan pembaharuan ini di-harapkan agar peraduan membacha kitab suci Al-Koran akan menjadi lebeh hebat dan meriah pada tahun ini.

Orang ramai akan dapat menyaksikan-nya dari tebing2 sungai dengan chara yang lebeh menarik hati. Tempat khas yang terapong itu akan di-letakkan dihadapan bangunan Jabatan Kastam Di-Raja Kuala Belait.

Peraduan membacha Al-Koran tahun ini akan di-adakan pada hari Sabtu 5 November, di-sebelah malam. Sa-belum peraduan Peringkat Daerah di-adakan, maka peraduan peringkat mukim saperti Kuala Belait, Kuala Balai, Seria/Sungai Liang, Labi, Rampayoh/Bukit Sawat akan di-jalankan lebeh dahulu.

Sa-telah selesai di-jalankan Peraduan Bachaan Al-Koran Peringkat Daerah

Belait pada 5 November maka peraduan peringkat Negeri bagi memilih chalon lelaki — perempuan ka-Pertandingan Peraduan Bachaan Al-Koran di-Malaysia akan di-adakan di-Bandar Brunei pada penghujung bulan November.

Chalon2 yang akan memasuki peraduan tahun ini hendak-lah ra'ayat Nebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, berumur 16 tahun ka-atas bagi lelaki dan 15 tahun ka-atas bagi chalon2 perempuan. Bacha'an sa-lama 13 minit.

Lima surah yang telah di-tetapkan untuk di-pilih oleh para chalon ia-lah:-

1. Surah Al-Isra' — Jus 15 dari ayat 23 hingga 54
2. Surah Arrahman — Jus 27 dari ayat 1 hingga 61
3. Surah Muhammad — Jus 26 dari ayat 13 hingga 38
4. Surah Al-Hakkah — Jus 29 dari ayat 1 hingga 52
5. Surah Fatir — Jus 22 dari ayat 15 hingga 41

Untuk mendapatkan keterangan2 lebeh lanjut bagi Peraduan Bachaan Al-Koran Peringkat Daerah boleh-lah berhubung dengan Setia Usaha Peraduan, Awg. Mahalle bin Hj. Abdullah di-Pejabat Ugama, Kuala Belait.

Keterangan2 mengenai Peraduan Bachaan Al-Koran Peringkat Mukim bagi Mukim2 Seria/Sungai Liang, Kuala Belait, Kuala Balai boleh-lah berhubung dengan Setia Usaha atau mana2 ahli Jawatan-kuasa masjid di-tempat masing2. Bagi tempat2 yang lain berhubung-lah dengan Imam mmasjid atau Guru2 Ugama atau pun tems kepada Setia Usaha Peraduan Daerah, di-Pejabat Ugama, Kuala Belait.

PASAR GEMBIRA

SERIA. — Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait akan mengadakan Pasar Gembira selama lima hari mulai pada hari Sabtu 29 Oktober hingga hari Rabu 2 November.

Tujuan di-adakan temasha tersebut ia-lah untuk mengutip derma bagi membantu Rumah Orang2 Tua Seria.

Masa pembukaan Pasar Gembira tersebut ada-lah saperti berikut: Hari Sabtu 29 Oktober mulai pada jam 1 tengah hari hingga 11 malam. Hari Ahad 30 Oktober mulai pada jam 10 pagi hingga 11 malam. Hari Isnin 31 Oktober, hari Selasa 1 November dan hari Rabu 2 November mulai pada jam 6 petang hingga 11 malam tiap2 hari itu.

MAJLIS2 PENYAMPAIAN PERISAI2 KEDATANGAN KURNIAAN D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN DAN D.Y.M.M. RAJA ISTERI

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis untuk menyampaikan Perisai2 Kedatangan kurniaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri telah di-langsungkan di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Pertama, Bandar Brunei pada pagi hari Ahad 16 Oktober, 1966.

Perisai2 Kedatangan tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

Perisai Kedatangan kurniaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk Darjah Menengah Sekolah Melayu S.M.J.A. (S.M.M.P.) yang terbaik sekali dalam hal ehwal kedatangan dalam tahun 1965 telah di-menangi oleh Tahun IID.

Perisai Kedatangan kurniaan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri untuk Sekolah2 Melayu Bahagian Rendah Bahagian Brunei I yang terbaik sekali dalam hal ehwal kedatangan dalam tahun 1965 telah di-menangi oleh Sekolah Melayu Sungai Kebun pada tahun yang kedua berturut2.

Pada pagi hari tersebut juga Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara telah menyampaikan Perisai Kedatangan kurniaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kepada Sekolah Melayu Puni, ia-itu Sekolah Melayu yang terbaik sekali dalam hal ehwal kedatangan di-antara Sekolah2 Melayu Bahagian Temburong dalam tahun lalu.

Pada petang hari tersebut, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah berangkat ka-Sekolah Melayu Bukit Panggal Bahagian Tutong I untuk menyampaikan Perisai Kedatangan kurniaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kepada sekolah itu yang telah memenangi perisai tersebut bagi tahun lalu.

Tarikh penyampaian Perisai2 Kedatangan tersebut kepada Sekolah2 Melayu yang menjadi Johan dalam hal ehwal kedatangan dalam tahun 1965 bagi Bahagian Brunei II; Bahagian Tutong II; Bahagian Brunei III dan Bahagian Belait ada-lah seperti berikut:

Hari Ahad 23 Oktober: Bahagian Brunei II — Sekolah Melayu Kiarong. Perisai Kedatangan tersebut akan di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara.

Hari Ahad 23 Oktober: Bahagian Tutong II — Sekolah Melayu Panchong. Perisai Kedatangan tersebut akan di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed.

Hari Ahad 30 Oktober:

Bahagian Brunei III — Sekolah Melayu Puduk. Perisai Kedatangan tersebut akan di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Haji Mohamed Salleh.

Hari Ahad 30 Oktober: Bahagian Belait — Sekolah Melayu Melilas. Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed di-jangka akan menyampaikan Perisai Kedatangan kurniaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kepada sekolah tersebut.

Penerbitan Majallah 'RIAK'

BANDAR BRUNEI. — Badan Bahasa dan Persuratan, Sekolah Menengah Melayu Pertama, Brunei akan menerbitkan Majallah "RIAK" bilangan yang ke-empat pada awal bulan November akan datang.

Majallah itu sedang di-chetak di-Perchetakan Bintang, Bandar Brunei dan akan di-jual kepada orang ramai dengan harga 50 sen sa-naskhah.

Menurut Pemimpin Badan Bahasa dan Persuratan, Sekolah Menengah Melayu Pertama Brunei, Awang Muhammed bin Abdul Latif ini-lah kali yang pertama

Majallah "RIAK" itu di-chetak. Keluaran-nya yang pertama, kedua dan ketiga, kata beliau, telah di-terbitkan dengan chara "stensil"

Antara kandungan majallah itu ia-lah makallah sastera, kebudayaan dan ilmu pengetahuan.

Oleh kerana bilangan perchetakan majallah itu di-hadkan, para pembaca dan peminat-nya yang ingin membeli majallah itu, ada-lah di-persilakan berhubungan sa-berapa segera dengan Pemimpin Badan Bahasa dan Persuratan, S.M.M.P. Brunei.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin, kelihatan dalam gambar ini sedang menyampaikan Perisai Kedatangan kurniaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Isteri kepada Wakil Sekolah Melayu Sungai Kebun di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Pertama, Ban-

dar Brunei pada pagi hari Ahad 16 Oktober, 1966.

Sekolah Melayu Sungai Kebun telah berjaya menjadi Johan dalam hal ehwal kedatangan antara Sekolah2 Melayu Rendah, Bahagian Brunei satu dalam tahun 1965 pada tahun kedua berturut2.

Berdiri di-belakang Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha ia-lah Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I, Awang Haji Mohd. Yassin bin Haji Metassim.

Peraduan Bachaan Al-Koran Mukim Kuala Belait

KUALA BELAIT. — Satu Peraduan Bachaan Al-Koran, Peringkat Kawasan Mukim Kuala Belait akan di-adakan di-Masjid Mohamad Jamalul Alam, Kuala Belait pada 22 Oktober, 1966 mulai jam 7.30 malam.

Sharat2 bagi peserta2 yang hendak memasuki peraduan tersebut ada-lah seperti berikut:

Peserta2 hendak-lah ra'ayat Brunei. Umor peserta2 lelaki — 16 tahun ka-atas. Umor peserta2 perempuan hendak-lah 15 tahun ka-atas. Peserta2 mesti-lah penduduk2 kawasan Mukim tersebut.

Sa-siapa yang ingin memasuki peraduan tersebut, boleh-lah menghantar permohonan kepada Pengiran Ahmad bin Pengiran Md. Salleh, Setia Usaha Peraduan Bachaan Al-Koran bagi Mukim Kuala Belait di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait atau di-alamat Pejabat Kastam Di-Raja, Kuala Belait tidak lewat dari 21 Oktober, 1966.

Majlis Perbincangan Anjoran Badan Berkembangan Bahasa dan Budaya Brunei

BANDAR BRUNEI. — Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya, Brunei akan mengadakan satu Majlis Perbincangan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada jam 8.30 pagi hari Jumat 21 Oktober, 1966.

Tajok Perbincangan: "Persekutuan Guru2 Melayu Brunei: Di-Tinjau dari sudut perjuangan-nya melaksanakan Dasar2 Persekutuan itu".

Sa-orang ahli Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah pun di-pilih untuk menyediakan bahan2 perbincangan dan sa-terusnya nanti perbincangan akan di-buka kepada ahli2 badan tersebut dan peminat2 Bahasa Melayu.

Ahli2 Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya, Brunei serta peminat2 Bahasa dan Budaya ada-lah di-jemput hadir ka-majlis tersebut demi menayakan perbincangan itu. Demikian menurut Setia Usaha, Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya, Brunei, Awang Mahmud Bakyr.

Bantuan Yang Berkebakikan

KERAJAAN Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah mengambil perhatian yang baik bagi membantu orang2 tua yang berumur lebeh daripada 60 tahun dengan membayar penchen2 tua kepada mereka.

Sa-lain dari itu, Kerajaan Baginda juga ada-lah sentiasa memberi bantuan kepada orang2 buta serta orang2 yang menghidap penyakit kusta dan juga orang2 yang menghidap penyakit otak.

Bayaran2 itu telah di-berikan oleh Jabatan Penchen2 Negara bagi mempertegoh serta memperbaiki kehidupan mereka.

Samenjak Jabatan Penchen2 Negara Brunei di-tubuhkan dua belas tahun dahulu, sa-ra-mai lebeh daripada 4,000 orang dengan lebeh daripada 100 orang tanggungan mereka telah menerima bayaran tersebut.

Lebeh daripada \$85,000 telah di-keluar-kan oleh Kerajaan, menerusi Jabatan Penchen2 Negara Brunei, dalam bulan Ogos yang lalu untuk membantu orang2 tua, serta orang2 buta dan orang2 yang menghidap penyakit kusta dan penyakit otak itu.

Dengan jalan yang sa-demikian Kerajaan telah mengambil satu langkah yang amat baik bagi membantu orang2 tersebut serta keluarga mereka.

Awang Freitas Menghadhiri Persidangan 'ABU' Di-Taipei

BANDAR BRUNEI. — Aw. G. V. de Freitas, Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei akan berlepas dari Brunei dengan kapal terbang ka-Taipei pada hari ini untuk menghadiri Persidangan Kesatuan Siaran Radio Asia ("Asian Broadcasting Union") kali ketiga di-Taipei mulai pada 24 Oktober hingga 31 Oktober, 1966.

Sementara itu "ABU" telah membentok sa-buah Badan Pengadil untuk memileh bunyi pancharan radio dan ranchangan2 television yang terbaik sekali

yang telah di-hantarkan oleh pertubohan2 siaran radio dari seluroh Dunia untuk merebutkan hadiah yang di-namakan sa-bagai "Hadiah Asia." Penghakiman tersebut akan di-adakan sa-belum di-langsungkan pembukaan rasmi persidangan "ABU" itu.

Sa-orang daripada Pengadil2 tersebut ia-lah Aw. G. V. de Freitas, Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Beliau di-jangka balek ka-Brunei pada hari Rabu 2 November, 1966.

JAMBOREE PENGAKAP2

PULAU PINANG. — Jamboree Pengakap2 Malaysia kali pertama akan di-adakan di-Pulau Pinang mulai pada 4 Disember hingga 10 Disember tahun ini.

Sa-lain daripada Pengakap2 dari Malaysia, Pengakap2 dari Negeri Brunei juga akan menghadhiri Jamboree Pengakap2 tersebut.

Melawat Brunei

BERAKAS. — Lord Grantchester, sa-orang Pengarah Bank Kemajuan Asia telah melawat Negeri Brunei baru2 ini sa-bagai tetamu kepada Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F.D. Webber dan Dayang Webber.

Sa-orang lagi di-antara pelawat2 ka-Negeri Brunei baru2 ini ia-lah Duta Jerman Barat di-Singapura, Herr Detlev Sheel.

SEMANGAT T BERDI KEPERCHAY

Penghidupan penduduk2 kampung2 pendalaman dewasa ini sa-memang-nya telah beralah kepada kehidupan yang lebeh baik, walaupun belum sa-bandu dengan penduduk2 bandar.

Tetapi keistemewaan penduduk2 pendalaman mang sukar di-dapat daripada yang tinggal di-b



Ketua Kampong Marimbun, Abang Mohd. Noor bin Mohamad (Menghisap rokok).

Makin bertam kita apabila meng bapa menghantar a kolah dengan tidak jauh sekolah itu da

Ketua Kampon Md. Noor bin Aban menyatakan bahaw masa ini belum ada dan anak2 di-kam ka-sekolah Melay jauh-nya kira2 5 b Anak2 itu terpaksa mah ketika maseh

Abang Md. No 4 buah kampung mempunyai pendu 200 orang. Kampu Kampong2 Kuala tam, Lubok Ubor d galau.

Di-Marimbun membena jalan k kira2 8 batu ya kampong itu deng Untuk memudahka menjalankan tuga



N PENDUDOK² PENDALAMAN ATAS N SENDIRI

2, terutama sa-kali semangat berdiri di-atas tapak
i sendiri.

"Semangat itu memang kami warithi dari dato
ek kami dan kalau kami tidak berusaha sendiri,
us hidup kami akan lebeh melarat lagi," demikian
a sa-orang penduduk Kampong Marimbun, Ulu
ong.

rchayaan
nawa ibu
ka ka-se-
alau pun
mereka.

n, Abang
nad telah
pong-nya
n sekolah
di-hantar
ng yang
arimbun.
dari ru-

etua bagi
ong yang
nai kira2
diri dari
atang Pi-
un-Mang-

an telah
jauh-nya
ibongkan
ng Bukit.
kerajaan
s seperti



mengawal kasehatan, kebajikan dan
hiboran, Kerajaan telah mendirikan
sa-buah Balai Raya di-sana. Balai Raya
itu juga telah di-gunakan oleh orang2
kampong bagi mengadakan perjum-
paan2 kebajikan.


Penduduk2 kampong pendalaman
memang terkenal dengan kerajinan
mereka berchuchok tanam dan bersa-
wah. Sebab itu penduduk2 Marimbun
kebanyakan-nya bersawah, berchuchok
tanam, berternak dan sa-bilangan-nya
bekerja di-jalan2 kechil di-bawah kelo-
laan Pejabat Daerah Tutong.

Penduduk2 di-Marimbun kebanya-
kan-nya terdiri dari Puak Dusun. Di-
waktu masa lapang mereka gemar per-
gi berburu ka-hutan dan menangkap
ikan di-sungai2 yang berhampiran de-
ngan rumah mereka.

Di-Kampong Kuala Ungar
tidak jauh dari Marimbun sa-
buah persatuan Peladang anjo-
ran Jabatan Pertanian telah
di-tubuhkan dan pada
masa ini ahli2 persatuan itu tel-
ah memusatkan perhatian bagi
bersawah padi dengan lebeh me-
luas, memelihara ikan dan ber-
tanam sayor2an. Mereka telah
berpandu pada nasehat2 yang tel-
ah di-berikan oleh pegawai2 Ja-
batan Pertanian.

Menurut Abang Md. Noor
bahawa untok memesatkan ran-
changan tanaman padi,
ahli2 persatuan itu berchadang
hendak membuat ampangan ke-
chil di-Sungai Bangiru.

"Dengan ada-nya bantuan
kerajaan nanti, ranchangan itu
akan kami jalankan segera dan
kami tidak mahu persatuan itu
hanya indah pada nama, tetapi
gundah pada rupa." Demikian
jelas Abang Md. Noor yang juga
menjadi yang di-pertua persat-
uan peladang itu.



JAWATAN JAWATAN KOSONG

Di-Pejabat Pelajaran

Maktab Latehan Per-guruan, Brunei yang men-yelenggarakan kursus da-lam bahasa Inggeris dan Melayu mempunyai bebe-rapa kekosongan sebagai Pensharah dalam perkara2 berikut:

Ilmu Jiwa, Pelajaran, Lukisan/Pertukangan Tangan, Bahasa dan Sastera Melayu, Baha-sa Inggeris sebagai Bahasa Kedua, dan Chara Mengajar.

Guru2 Latehan Maktab atau Guru2 Graduate Ter-lateh yang boleh memberi kuliah dalam perkara2 yang tersebut di-atas, dalam ba-hasa Inggeris atau Melayu, ada-lah di-minta supaya meminta borang2 permoho-nan daripada Pegawai Per-jawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, serta mengembalikan-nya pada atau sebelum 31 Okto-ber, 1966, beserta dengan salinan2 surat akuan dan sijil2.

SUKATAN2 GAJI:

Guru Terlateh Biasa atau Guru Latehan Maktab — \$440x20-660x30-840 terma-sok \$50/- Alaon Pansharah.

MERINYU2 PERCHUBAAN DALAM PASOKAN PULIS DI-RAJA BRUNEI.

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada chalon2 y a n g menjadi raayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak untuk di-daftar-kan sedemikian bagi mem-enuhi jawatan2 Merinyu2 Per-chubaaan dalam Pasokan Pu-lis Di-Raja Brunei.

KELAYAKAN2:

- Umur — Di-antara 19 hingga 26 tahun.
- Tinggi — Tidak kurang dari 5' 4".
- Dada — Sekurang2-nya 34" apabila tidak di-ta-rek napas.
- Mempunyai Sijil Junior Cambridge atau sijil yang sebanding dengan-nya.

GAJI: \$430/- sa-bulan.

Chalon2 yang berjaya mes-ti-lah bersedia untuk pergi ka-Malaya untuk di-lateh.

Permohonan2 daripada Pe-gawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pe-jabat mereka yang di-kehenda-ki menghantarkan laporan sulit mengenai pemohon2 ber-serta dengan Chatetan Per-khidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penuhi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Ibu Pejabat Polis, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Pe-suruhjaya Polis, Brunei, ti-dak lewat dari 5 November, 1966.

Berkelulusan Degree dan Berpengalaman Mengajar — \$620x20-660x30-990.

Hanours Degree dan Ber-pengalaman Mengajar — \$750x30-1200.

SHARAT2 LANTEKAN:

Chalon2 yang bukan ra-yaat D.Y.M.M. Sultan Bru-nei akan di-lantek sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan yang per-tama. Pembaharuan kon-

trek ia-lah dengan persetu-juan bersama.

BAKSIS:

Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhid-mat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmat boleh di-pero-lehi daripada Pegawai Per-jawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Penyunting Di-Dewan Bahasa Dan Pustaka, Brunei

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Pen-yunting di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

(a) Pemohon2 hendak-lah orang Melayu yang mem-punyai kelulusan Sekolah Menengah Atas (Sijil Persekolahan Seberang Laut) atau yang sebanding dengan-nya;

(b) Mempunyai pengetahu-an tinggi dalam bahasa dan persuratan Melayu; dan

(c) Mempunyai pengalaman dalam hal karang mengarang dan menyemak buku2 atau majallah.

(d) Bagi pemohon2 yang tidak mempunyai kelayakan yang di-sebutkan dalam (a) tetapi ada mempunyai peng-alaman kemahiran yang luas dalam hal karang mengarang dan mempunyai pengetahuan dalam bahasa dan Sastera Melayu akan di-pertimbang-kan juga.

GAJI:

Dalam sukatan \$660x30-900. Gaji permulaan bergan-tong pada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN:

Chalon yang berjaya yang bukan menjadi raayat D.Y. M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

BAKSIS:

Bagi sa-orang chalon yang di-lantek sechra berkontrek, baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Bak-sis tidak akan di-bayar apa-bila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Ke-rajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penuhi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pe-gawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bru-nei, hendak-lah di-kembalikan

PENTERJEMAH

DI-PEJABAT DEWAN

BAHASA DAN PUSTAKA

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari orang2 Melayu untuk memenohi jawatan Penterjemah di-Pejabat De-wan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

- Lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat kepujian da-lam bahasa Melayu dan Inggeris, atau kelaya-kan2 yang sebanding de-ngan-nya; dan
- Pengalaman menterje-mah selama sekurang2-nya dua tahun.

GAJI: Dalam sukatan gaji \$380x20 — 480/EB/500x20 — 620. Gaji permulaan bergan-tong pada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN:

Chalon yang berjaya yang bukan menjadi raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

BAKSIS: Bagi sa-orang chalon yang di-lantek sechra berkontrek baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap ber-khidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-pero-lehi daripada Pegawai Perja-watan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penuhi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi dari-pada Pegawai Perjawatan, P e j a b a t Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 de-ngan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usa-ha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, ti-dak lewat daripada 17 No-venber, 1966.

Timbalan Merinyu Timbang Dan Sukat

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari pegawai2 yang sedang berkhidmat dan ber-jawatan tetap untuk mem-enuhi jawatan Timbalan Me-rinyu Timbang dan Sukat.

GAJI: D 3 EB 4-5 (Gaji tidak lebih dari \$660/-) \$400 x20 — 660.

KELAYAKAN2 DAN PEN-GALAMAN: Pemohon2 mes-ti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu dan Form III Sekolah Inggeris atau mempunyai kelayakan yang sebanding dengan-nya, dan telah berkhidmat dengan

Kerajaan selama tidak ku-rang dari 5 tahun.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar dengan melalui Ketua Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar la-poran2 sulit mengenai pe-mohon2 bersama dengan satu salinan Chatetan Perkhidma-tan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-diisi dalam borang2 yang bo-leh di-perolehi daripada Pe-gawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan ka-pada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 27 Oktober, 1966.

Perlawanan Bola Sepak

Antara Persatuan2 Kelab2 dan Sekolah2

PERLAWANAN Bola Sepak antara Persatuan2, Kelab2 dan Persekolahan2 bagi Daerah Brunei dan Temburong kerana Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Yang Ke-50., atas anjoran Persatuan Bola Sepak Daerah Brunei, telah di-longsongkan baru2 ini.

Pasokan2 yang memasuki perlawanan ada-lah sa-banyak 12 pasokan. Permainan di-adakan dengan chara perlawanan pukul keliling berkumpulan: (Group League) 3 pasokan tiap2 satu kumpulan.

Apabila selesai perlawanan pukul keliling, johan tiap2 kumpulan akan bermain chara pukul mati (knock-out) peringkat suku akhir, sa-tengah akhir dan seterusnya babak akhir.

Nama2 pasokan di-tiap2 kumpulan ia-lah:

KUMPULAN "A": (1) Pasokan Jabatan Kerja Raya, Brunei. (2) Pasokan Polis Di-Raja, Brunei. (3) Pasokan Askar Melayu Di-Raja, Brunei "B".

KUMPULAN "B": (1) Pasokan Persekutuan Guru2 Melayu, Brunei. (2) Pasokan Maktab Perguruan Melayu, Brunei. (3) Pasokan 51 Brigade, British Other Rank.

KUMPULAN "C": (1) Pasokan Temburong. (2) Pasokan Sumbiling. (3) Pasokan 51 Brigade Gurkha.

KUMPULAN "D": (1) Pasokan Sungai Kedayan. (2) Pasokan Brunei Sports Club. (3) Pasokan Askar Melayu Di-Raja, Brunei "A".

Perlawanan2 yang telah di-jalankan: Semua perlawanan bertempat di-padang Besar Bandar Brunei, tiap2 permainan di-mulakan jam 4.45 petang.

(1) **PADA 28 SEPTEMBER, 1966:** Perlawanan Kumpulan "A" Antara Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei "B" dengan Pasokan Jabatan Kerja Raya, Brunei. Keputusan-nya perlawanan pada petang itu berakhir seri ia-itu 2 gol berbalas 2.

(2) **PADA 30 SEPTEMBER, 1966:** Perlawanan Kumpulan "B" antara Pasokan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dengan Pasokan 51 Brigade British Other Rank. Keputusan-51 Brigade British Other Rank, menang tanpa berlawan.

(3) **PADA 1 OKTOBER, 1966:** Perlawanan Kumpulan "C" antara pasokan Temburong dengan Pasokan 51 Brigade Gurkha, Keputusan-nya Pasokan Temburong menang dengan 2 gol tidak berbalas.

(4) **PADA 3 OKTOBER, 1966:** Perlawanan Kumpulan "D" antara Pasokan Sungai Kedayan dengan Pasokan Askar Melayu Di-Raja, Brunei "A," Keputusan-nya Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei "A" menang dengan 5 gol berbalas 1.

(5) **PADA 5 OKTOBER, 1966:** Perlawanan Kumpulan "A" antara Pasokan Jabatan Kerja Raya dengan Pasokan Polis Di-Raja Brunei, Keputusan-nya Pasokan Jabatan Kerja Raya menang dengan 2 gol tidak berbalas.

(6) **PADA 7 OKTOBER, 1966:** Perlawanan Kumpulan "B" antara Pasokan Maktab Perguruan Melayu, Brunei dengan Pasokan Persekutuan Guru-Guru Melayu, Brunei. Keputusan-nya Pasokan Maktab Perguruan Melayu, Brunei menang dengan 7 gol berbalas 1.

(7) **PADA 8 OKTOBER, 1966:** Perlawanan kumpulan "C" antara Pasokan Sumbiling dengan Pasokan Temburong, Keputusan-nya pasokan Sumbiling menang dengan 6 gol berbalas 1.

SEPAK RAGA JARING
Perlawanan Sepak Raga Jaring antara Maktab2 dan Sekolah2 Menengah Negeri Brunei, atas anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei.

Perlawanan di-bahagikan kepada dua peringkat

ia-itu: pertama pemilehan daerah dan kedua peringkat negeri.

Perlawanan2 pemilehan daerah telah di-jalankan pada petang 12. Oktober, 1966, untuk memilih dua pasokan sa-bagai mewakili daerah2 masuk ka-peringkat negeri:

(i) **DAERAH BELAIT DAN TUTONG:** Bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait.

PASOKAN2 YANG BERLAWAN: (1) Maktab Anthony Abell, Seria. (2) Sekolah Saint Margaret. (3) Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong.

(ii) **DAERAH BRUNEI DAN TEMBURONG:** Bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu SMJA., Bandar Brunei.

PASOKAN2 YANG BERLAWAN: (1) Maktab Perguruan Melayu, Brunei. (2) Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. (3) Sekolah Menengah Melayu Pertama, Brunei, (4) Sekolah Menengah Melayu SMJA., Brunei. (5) Sekolah Menengah Melayu Sultan Hasan Bangar, Temburong. (6) Sekolah Lathean Anggerek Desa (wakil Sekolah2 Rendah).

Perlawanan peringkat negeri telah di-jalankan pada petang 16 Oktober, 1966, bertempat di-Dewan Maktab SOAS., Bandar Brunei.

Pasokan2 yang memasuki perlawanan ia-lah antara Johan dan Naib Johan Daerah Belait dan Tutong berlawan dengan Johan dan Naib Johan Daerah Brunei dan Temburong. Kiriman Awang Md. Hussain bin Zainal.

Pembukaan

Rasmi

Persidangan

Pengakap

Tenggara Asia

TAIPEI. — Presiden Chiang Kai-Shek telah merasmikan pembukaan Persidangan Pengakap Tenggara Asia kali kelima di-Taipei, ibu kota Taiwan pada 12 Oktober, 1966.

Wakil2 Pengakap dari 14 buah negara ia-itu Brunei diwakili oleh Awang Shahbudin bin Saleh, Malaysia Singapura, Australia, China Kebangsaan, India, Negeri Jepun, New Zealand, Vietnam Selatan, Korea Selatan, Laos, Thailand, Philippina dan Amerika Sharikat telah mengambil bahagian dalam Persidangan Pengakap tersebut.

Sa-lepas merasmikan pembukaan Persidangan Pengakap itu, Presiden Chiang Kai-Shek telah menyampaikan **PINGAT KEBERANIAN PENGAKAP** Tahun 1964-66 kepada Krittikak Sardana-kook, sa-orang Pengakap Anak Serigala dari Thailand, berumur 9 tahun yang telah menyelamatkan sa-orang kanak2 berumur lima tahun daripada tenggelam di-Sungai Mekong.

Presiden Chiang Kai-Shek juga telah menyampaikan **PINGAT KEHORMATAN PENGAKAP** kepada Sung Yu-Han, sa-orang Pengakap China, berumur 16 tahun yang telah menyelamatkan jiwa sa-orang kanak2 sekolah dari tenggelam di-sabuah sungai dalam bulan Julai tahun ini.

Majlis Cheramah Anjoran P.M.K.T.

KERIAM. — Persatuan Melayu Keriam Tutong telah mengadakan satu Majlis Cheramah di-Dewan persatuan itu pada petang hari Juma'at 14 Oktober, 1966.

Tiga orang Wakil Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei yang menghadiri Perhimpunan Belia Sa-Dunia (WAY) di-Tokyo dalam bulan Ogos tahun ini telah memberikan cheramah di-majlis itu.

Beliau tersebut ia-lah Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Umar, Yang Dipertua Majlis Pemuda Pemudi Negeri Bru-

nei; Yang Berhormat Pengiran Yusof bin Pengiran Abu Bakar Penasehat Kelab Belia Seria dan Yang Mulia Awang Ahmad bin Kadi, Ahli J.K. Tertinggi M.P.P.

Majlis itu telah di-pengerusikan oleh Awang Abdul Hassan bin Abdul Rahman dan telah di-hadiri oleh ramai para jemputan termasuk Wakil2 dari Persatuan2 Belia di-Daerah Tutong, dan ahli2 Persatuan Melayu Keriam Tutong.

Ketiga2 orang beliau tersebut telah memberikan

cheramah berkenaan dengan berbagai2 perkara yang bersangkutan paut dengan Pehimpunan Belia Sa-Dunia di-Tokyo.

Sa-lepas itu para perwakilan dari Persatuan2 Belia di-Daerah Tutong telah mengemukakan berbagai2 so'al dan semua so'al-an2 itu telah di-jawab oleh pencheramah2 itu.

Pengerusi Majlis, Awang Abdul Aziz dan Setia Usaha Majlis itu, Awang Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Md. Safar telah memberikan ucapan2 yang berharga di-majlis tersebut.



Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1967

BANDAR BRUNEI. — Pemilihan chalon2 Bintang Radio Brunei Tahun 1967 bagi Daerah2 Brunei, Belait dan Tutong telah pun selesai dijalankan. Pemilihan tersebut di-adakan, ia-lah untuk menentukan para peserta yang akan memasuki ka-pertandingan Peringkat daerah.

Bagi pertandingan peringkat

Peraduan Lawak Jenaka Anjoran Radio Brunei

BANDAR BRUNEI. — Radio Brunei (Bahagian Melayu) akan mengadakan ranchangan Mari Ketawa dalam pertandingan LAWAK JENAKA terbuka kepada orang ramai, lelaki dan wanita bagi peringkat orang dewasa. Ranchangan ini akan disiarkan sabagai salah satu acara dalam ranchangan menyambut HARI RAYA IDILFI TRI yang akan datang ini.

Hanya tiga pasokan saja akan di-pilih untuk di-bawa ke-pertandingan akhir, untuk merebut gelaran JOHAN, Naib JOHAN dan yang ketiga. Sa-belum itu, pemilihan pertandingan ini, akan di-adakan di-Studio Radio Brunei.

Tiap2 chalon (pasokan) mesti-lah mengisikan borang yang di-sediakan oleh Radio Brunei, dan dalam masa pertandingan nanti di-bolehkan menggunakan nama samaran masing2.

Tarikh penutup untuk menerima chalon2 (pasokan) yang masuk bertanding tidak lewat dari hari Sabtu 29 Oktober, 1966 jam 4.00 petang.

kat Daerah Tutong, akan dijalankan pada 21 Oktober, manakala bagi Daerah Belait akan dijalankan pada 28 Oktober, 1966 masing2 bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong dan di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria mulai jam 7.30 malam.

Chalon2 yang telah terpilih untuk masuk ka-pertandingan peringkat daerah itu, ada-lah seperti berikut:—

DAERAH TUTONG: Chalon2 lelaki—1. Shamsuddin Idris, 2. Adli Jais, 3. Abu Bakar Saban, 4. M. J. Adnani, 5. A. Jamal Ismail, 6. Z. M. Yussof, 7. Abdul Hamid Udin dan 8. Zaini Md. Daud. Chalon2 wanita — 1. Rokayah Idris, 2. Habibah Md. Said, 3. Noriah Edin, 4. Shaerah Salleh, 5. Sarimah Sanai dan 6. Zaleha Manan.

DAERAH BELAIT: Chalon2 lelaki — 1. Ak. Idris Pg Md. Said, 2. Zain Othman, 3. B. M. Mohammad (M. B. M. Mohammad), 4. Sulaiman Edin, 5. M. Nordin, 6. Adanan Buntar, 7. Ahmad Rashid dan 8. Amedon Md. Yassin. Chalon2 wanita—1. Sharifah Mahani, 2. Dk. Minah Pg. Md. Said, 3. Suraya Salleh, 4. Aina Ibrahim, 5. Dk. Halimah Pg. Md. Said dan 6. Aminah Omar.

Nama2 chalon bagi Daerah Brunei yang telah terpilih untuk memasuki pertandingan peringkat akhir akan di-umumkan kemudian nanti.

**GUNAKAN-LAH
BAHASA MELAYU**

Satu temasha Malam Aneka Warna telah di-adakan di-Sungai Liang pada malam 14 dan 15 Oktober yang lalu di-bawah anjoran Persatuan Pemuda Pemudi Mukim Liang sa-bagai Sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan. Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Salleh bin Hidup telah merasmikan pembukaan temasha tersebut. Gambar ini di-ambil di-temasha Malam Aneka Warna itu.

ASKAR MELAYU DI-RAJA BRUNEI BERJAYA MENAWAN 4 ORANG AHLI2 TNKU

BERAKAS. — Parajurit2 dari Askar Melayu Di-Raja Brunei, di-bawah pimpinan Leftenan Muda Musa bin Yakub telah berjaya menawan empat orang ahli Tentera Nasional Kalimantan Utara di-dalam hutan di-Daerah Temburong, lebih kurang 30 batu jauh-nya dari Pekan Bangar pada hari Sabtu 8 Oktober, 1966.

Ke-empat2 orang yang telah di-tawan itu ia-lah dua orang ra'ayat Brunei, ia-itu Baha bin Momin dari Kampong Batu Apoi dan Elan anak Etong, sa-orang Iban dari Kampong Parit. Dua orang lagi ia-lah Sulaiman Mohd. Ahmad dari Lawas, Sarawak dan Yusof Al Musadiq Sedegar sa-orang parajurit tua Tentera Indonesia.

Kerajaan Brunei telah menguchapkan tahniah kepada Askar Melayu Di-Raja Brunei terhadap kejayaannya bagi melaksanakan gerakan bagi menawan penyusup2 tersebut.

Kerajaan Brunei juga menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kepada orang ramai yang ta'at setia yang telah memberikan ma'lumat

Peraduan Membacha Al-Koran Kawasan2 Brunei

BANDAR BRUNEI. — Peraduan Membacha Al-Koran bagi Kawasan2 Brunei 1, Brunei II dan Brunei III akan di-adakan di-Masjid Omar Ali Saifuddin pada 27, 29 dan 30 Oktober, 1966 mulai jam 8.30 malam.

Chalon2 yang berhajat hendak mengambil bahagian dalam Peraduan Membacha Al-Koran itu mesti-lah Warga Negara Brunei.

Borang2 permohonan boleh-lah di-dapati daripada Setia Usaha peraduan tersebut d/a Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei. Borang2 permohonan itu hendak-lah dikembalikan kepada beliau sa-belum 24 Oktober, 1966.

Pegawai Penjara Balek Dari Malaya

BERAKAS. — Awang Christopher Chin Nyuk Foon, sa-orang Pegawai Penjara telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang dari Malaya pada 14 Oktober, 1966 sa-lepas mengambil bahagian dalam kursus mengawas 'Juvenile Delinquency' di-Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka dan juga mengenai kerja2 di-Penjara di-beberapa buah Penjara di-Malaya sa-lama lebih kurang enam bulan.

kapada pehak yang berkenaan bagi menawan penyusup2 itu.

Penyusup2 yang di-tangkap itu, semua-nya berpakaian seragam dan bersenjata lengkap membawa 846 biji pelbagai peluru.

Mereka sekarang di-tahan di-Brunei di-bawah Undang2 Dharurat.

Majlis Santap Bersarapan Anjoran Penghulu2 Dan Ketua2 Kampong Daerah Brunei Dan Muara

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Pakuka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin akan berchemar Duli ka-Majlis Santap Bersarapan anjoran Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Brunei dan Muara.

Majlis Santap Bersarapan tersebut akan di-adakan di-Dewan Madrasah, Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei pada jam 7.30 malam 20 Oktober, 1966, sa-bagai Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.